

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

7. Terangkan bilangan *online face mask scam* yang berlaku mengikut daerah dan jumlah kerugian yang perlu ditanggung oleh mangsa.
- (a) Nyatakan kes-kes yang berjaya dibendung oleh pihak berkuasa serta *scammer* berjaya dihadap ke muka pengadilan.
- (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan *scam* seperti ini tidak berlaku?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

7. (a) Jumlah laporan yang diterima berkaitan perniagaan pelitup muka (*face mask*) secara *scam* (melalui *online*) yang dilaporkan mulai 30 Januari 2020 sehingga 02 April 2020 mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG DILAPORKAN	KERUGIAN (RM)
1.	TL	26	372,050.36
2.	BD	8	5,307.00
3.	SPU	7	12,165.00
4.	SPT	12	38,886.00
5.	SPS	4	34,446.00
	JUMLAH	57	RM 462,854.36

- (b) Status Kertas Siasatan yang telah dibuka adalah sebanyak 57 kes dan melibatkan 6 tangkapan. Kertas Siasatan yang masih dalam siasatan berbaki 51 kes; manakala yang telah dituduh di mahkamah adalah sebanyak 2 kertas siasatan/kes.
- (c) Antara langkah proaktif yang telah diambil oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pulau Pinang, PDRM untuk membanteras jenayah siber adalah:-
 - (i) Mempertingkatkan aspek / kualiti siasatan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi; dan
 - (ii) Meningkatkan kadar kesedaran orang ramai berhubung dengan trend penipuan / fraud yang dilakukan menggunakan teknologi komunikasi moden melalui ceramah, iklan, program radio / FM, dan mengedar risalah-risalah.